

PM wira Dunia

BH - 1 FEB 1993
Ketiga: Ismail

(P)
KUALA LUMPUR, Ahad — Ketua 1 Gapena, Profesor Datuk Ismail Hussein menganggap ketajaman wawasan dan kelantangan suara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perbagai isu, meletakkan dirinya bukan sekadar wira seluruh bangsa, malah wira Dunia Ketiga.

Profesor Ismail berkata kejayaan itu adalah hasil pimpinan cemerlang Dr Mahathir yang berjaya menterjemahkan ideanya kepada satu bentuk realiti.

Katanya, ia adalah kesinambungan daripada perjuangan awal Dr Mahathir kira-kira 40 tahun lalu di Kolej Sultan Abdul Ha-

mid, Alor Star.

Menurutnya, ketika di kolej berkenaan, Dr Mahathir sebagai anak muda yang tegas dan berani dalam menyuarakan ideanya, menjadi wira impian semua pelajar.

"Anak muda itu (Dr Mahathir) baru lulus ilmu kedoktoran, giat dalam gerakan sosial serta pintar menulis di akhbar, terutama yang bersifat mengkritik kolonialisme dan establishment," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan syarahan perdana berjudul 'Pengajian Melayu di dunia Melayu' di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, semalam.